

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM
[SARATOK]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN : 25

Tan Sri Dato Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan suatu pusat atau laman maklumat siber yang boleh dijadikan rujukan oleh orang awam untuk mengesahkan sesuatu maklumat itu memandangkan pada masa ini terdapat banyak maklumat yang tidak benar atau tepat disebarluaskan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dalam ruang siber.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Multimedia menerusi Jabatan dan Agensi di bawahnya menggunakan strategi komunikasi bersepadu melalui komunikasi bersemuka, media elektronik, bahan cetakan dan media siber dalam memasarkan maklumat-maklumat Kerajaan secara cepat, tepat, kreatif dan meluas agar dapat difahami dan dihayati oleh rakyat.

Berkaitan dengan media siber, pada masa ini orang awam boleh merujuk kepada pelbagai platform yang disediakan oleh Jabatan dan Agensi di bawah KKMM seperti *Facebook*, *Youtube*, *Twitter*, laman portal, laman blog dan sebagainya bagi mendapatkan maklumat terkini serta penjelasan dasar-dasar Kerajaan yang tepat dan sahih.